

D.R. 11/93

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976.

[]

BAHAWASANYA adalah suaimanfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76, MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. Akta ini bolehlah dinamakan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan) 1993 dan hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta*.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

2. Seksyen 22 Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

Pindaan seksyen 22. Akta 172.

(a) dengan memotong perkataan "dan" di akhir perenggan (b) subseksyen (2); dan

(b) dengan memasukkan selepas perenggan (b) subseksyen (2) perenggan baru (ba) yang berikut:

(ba) peruntukan-peruntukan Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993; dan".

Akta

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 1* membolehkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini.

3. *Fasal 2* bertujuan meminda Akta dengan memasukkan perenggan baru (*ba*) berbangkit daripada pembuatan Akta Perkhidmatan Pembedugan 1993.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1770.]